



SIARAN AKHBAR

PERUSAHAAN MIKRO SABAH MANFAATKAN PROGRAM MICRO CONNECTOR MELALUI PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DIGITAL



YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia (kiri) dan YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin Datuk Haji Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (kanan) menyempurnakan perasmian Program Klik-Klik Senang Akaun.

KOTA KINABALU, 16 Julai 2024 – SME Corp. Malaysia melalui Program Micro Connector telah menganjurkan Program Klik-Klik Senang Akaun yang memfokuskan kepada pengurusan kewangan yang cekap serta mendigitalkan proses perakaunan. Majlis Perasmian Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dan YB Datuk Dr Haji Mohd Arifin Datuk Haji Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah. Program Micro Connector adalah salah satu inisiatif utama untuk meningkatkan keupayaan perniagaan perusahaan mikro menerusi kemahiran kompetitif dan sokongan teknikal.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12, seramai 9,144 peserta perusahaan mikro dan usahawan dari komuniti inklusif telah menyertai Program Micro Connector untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan penjanaan pendapatan yang lebih baik dengan jumlah dana sebanyak RM14.7 juta. Bagi negeri Sabah sahaja, Program ini telah memberi manfaat kepada 865 peserta perusahaan mikro dengan jumlah bantuan geran sebanyak RM812,416.00 dalam tempoh yang sama.

Program Klik-Klik Senang Akaun adalah salah satu inisiatif di bawah Program Micro Connector bagi tahun 2024. Program ini dilaksanakan oleh Rakan Pelaksana yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia iaitu Gold-Cheers Holding (M) Sdn Bhd. Program yang dilaksanakan di Negeri Sabah pada kali ini turut mendapat sokongan daripada Persatuan Usahawan Digital IKS Daerah Tuaran (PERDIKS) dan telah dihadiri seramai 80 usahawan di kalangan perusahaan mikro.

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dalam ucapannya mengingatkan para peserta tentang kepentingan pengurusan aliran tunai dan kewangan yang berkesan bagi pemilik perusahaan mikro. Pengurusan kewangan yang baik dapat membantu syarikat mengelakkan masalah seperti pembayaran gaji pekerja, sewa kedai, pinjaman perniagaan dan pembayaran kepada pembekal. Pengurusan kewangan yang sistematik juga membolehkan Perusahaan Mikro membuat perancangan perniagaan dengan lebih berkesan dan memastikan dana mencukupi untuk menghadapi kecemasan atau perbelanjaan yang tidak dijangka.

Sementara itu, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia turut menyatakan, "SME Corp Malaysia telah melantik sembilan (9) Rakan Pelaksana bagi Program Micro Connector bagi tahun 2024. Antara bidang tumpuan yang ditawarkan adalah pengurusan kewangan dan aplikasi perakaunan, pendigitalan perniagaan termasuk pemasaran digital serta gaya hidup dan kesihatan. Pada tahun ini sahaja, Program Micro Connector telah meluluskan sejumlah RM3.08 juta bagi membantu 800 perusahaan mikro".

Untuk maklumat lanjut berkenaan inisiatif di bawah Program Micro Connector anjuran SME Corp. Malaysia, sila layari laman sesawang www.smeCorp.gov.my.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 603-9213 0077

Faks : 603-2775 6001

E-mel : info@smecorp.gov.my

Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

(U.P. : Puan Suraini Mohamad Sulaiman)

Tel : 03-2775 6290

E-mel : suraini@smecorp.gov.my